

**NO. SOALAN: 68**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN  
[ TANJONG MALIM ]**

**RUJUKAN : 7643**

**SOALAN:**

**Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjong Malim ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah dan kaedah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan kualiti dan disiplin anggota polis sentiasa dikawal pada tahap yang lebih baik dan tinggi untuk memelihara nama baik Polis DiRaja Malaysia.

## **JAWAPAN:**

**Polis DiRaja Malaysia (PDRM) mengambil pendekatan tiada tolak ansur ke atas warganya yang melakukan kesalahan tata tertib, salahguna kuasa, rasuah, terlibat dalam kes jenayah dan dadah malah akan memastikan amalan disiplin yang tinggi dipatuhi. Mana-mana anggota yang didapati melakukan apa-apa pelanggaran peraturan, tindakan tata tertib yang tegas akan dikenakan terhadap mereka.**

**PDRM melalui Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) sentiasa melaksanakan tindakan-tindakan positif untuk memastikan warganya mematuhi peraturan dan undang-undang melalui aktiviti berikut:**

- i) Pemeriksaan proaktif iaitu pemeriksaan mengejut ke atas *front liners* di lapangan.**
- ii) Melaksanakan *mystery shopping* iaitu penyamaran secara fizikal atau melalui telefon untuk memastikan penugasan di lapangan adalah mengikut peraturan dan arahan yang telah ditetapkan.**
- iii) Menjalankan ujian air kencing untuk memastikan warga PDRM tidak terlibat dalam penyalahgunaan dadah yang mungkin akan berkait dengan perlakuan rasuah dan terlibat dalam jenayah.**

- iv) Pelancaran poster jauhi rasuah dengan bertemakan “Membudayakan Amalan Integriti Di Dalam PDRM” telah dilancarkan pada 14 Mac 2012. Sasaran pengagihan poster adalah di bahagian yang sering dikunjungi oleh orang awam seperti kaunter pejabat pertanyaan, bilik pegawai penyiasat, cawangan trafik dan sebagainya bagi memberi kesedaran kepada orang awam agar tidak menawarkan rasuah kepada anggota PDRM.**
- v) Kempen Tolak Rasuah PDRM telah dilancarkan pada April 2014 dan dilaksanakan untuk tempoh selama 6 bulan. Sepanjang kempen tersebut, sebanyak 17 kes tolak rasuah telah dilaporkan yang melibatkan tangkapan seramai 22 orang pemberi rasuah. Sijil penghargaan telah diberi kepada 50 orang pegawai dan anggota polis kerana menolak rasuah. Memandangkan kempen ini telah memberikan impak yang positif kepada warga PDRM dan juga masyarakat, pucuk pimpinan PDRM akan menjadikan kempen ini sebagai satu amalan secara berterusan untuk diamati.**
- vi) Pemeriksaan ke atas pelaksanaan Sistem Kawalan Disiplin dan Dadah (SKDD) dijalankan dengan matlamat membantu anggota polis menjauhkan diri dari aktiviti penyalahgunaan kuasa, penyalahgunaan dadah dan termasuklah pengawalan berlakunya aktiviti rasuah. SKDD meliputi**

butir-butir peribadi, kerjaya, pendapatan dan harta dan laporan penyelia. Perjumpaan secara personal penyelia dan anggota yang diselia wajib dibuat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh satu bulan. Perjumpaan adalah bagi menyampaikan teguran, nasihat, arahan dan prestasi diri serta kebahagiaan keluarga.

- vii) PDRM juga mengamalkan pendekatan '*corrective*' dengan penubuhan Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA) yang bertanggungjawab dalam membantu mengatasi mana-mana anggota yang memerlukan bantuan dari segi kaunseling dan pembentukan sikap yang lebih berintegriti dan berhemah tinggi.

Di antara aktiviti yang dikenalpasti menyumbang kepada berlakunya aktiviti rasuah adalah persekitaran ruang kerja yang berhadapan dengan orang awam yang terdedah kepada tawaran rasuah dan sikap mementingkan diri dan tamak oleh pemberi dan penerima serta faktor keinginan peribadi yang tinggi melangkaui kemampuan mendorong berlakunya aktiviti rasuah.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN  
DARIPADA HAJI MOHAMAD [ LIPIS ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [ Lipis ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah calon yang mendapat pencapaian cemerlang dalam peperiksaan Penilaian Tingkatan Tiga (PT3).

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) adalah komponen Pentaksiran Pusat (PP) yang terdapat dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). PT3 merupakan pentaksiran sumatif yang setara di Tingkatan 3 bagi menilai pencapaian akademik murid. PT3 mentaksir dari aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai secara menyeluruh di peringkat menengah rendah. Perbandingan keputusan PT3 dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) tidak wajar dilakukan kerana format instrumen pentaksiran dan pengendalian kedua-dua peperiksaan serta penetapan gred adalah berbeza. Lembaga Peperiksaan tidak melaporkan jumlah calon cemerlang kerana status PT3 seperti mana ujian akhir tahun di sekolah dan lebih bersifat pentaksiran berasaskan sekolah (PBS). Hal ini supaya PT3 tidak dijadikan *high stake* seperti UPSR dan SPM.